

21/03/2002

Tambat ringgit tidak jejas ekonomi: PM

Mahfar Ali

BERLIN, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak dakwaan kononnya ekonomi Malaysia akan lumpuh seperti Argentina semata-mata kerana kedua-dua negara mengambil pendekatan sama menambat mata wang masing-masing.

Perdana Menteri sebaliknya mempersoalkan mengapa kritikan dan ramalan seperti itu tidak pernah dilemparkan ketika Argentina menambat mata wangnya sebelum ini.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, pelbagai pihak cepat mengkritik apabila Malaysia menambat ringgit untuk memulihkan ekonominya berikutan krisis kewangan pada 1997 dan sesetengahnya menganggap keputusan itu akan menghancurkan Malaysia sendiri.

Malah, bukan saja ramalan itu meleset, kata Perdana Menteri, jualan bon Malaysia baru-baru ini melebihi langganan, termasuk dibeli pihak yang sebelum ini mengkritik Malaysia.

Beliau berkata, pemulihan ekonomi Malaysia sebenarnya tidak hanya disebabkan penetapan ringgit.

"Banyak lagi yang dikira termasuk membentuk pasukan khusus bagi menguruskan krisis itu," katanya dalam sesi soal jawab pada majlis perjumpaan dengan Persekutuan Industri Jerman dan Pertubuhan Perdagangan Jerman-Asia Pasifik di sini, petang semalam.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini dari Munich bagi meneruskan lawatan rasmi tiga hari ke Jerman.

Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dengan Canselor Jerman, Gerhard Schroeder.

Turut hadir, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Raridah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Pada sesi soal jawab itu, Perdana Menteri turut ditanya mengenai strategi Malaysia bagi China yang dijangka menjadi kuasa baru ekonomi di Asia.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak melihat China sebagai ancaman, sebaliknya negara itu juga terpaksa membuka pasarannya apabila menyertai Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perdana Menteri mengaku China mungkin dapat memasarkan produk lebih murah, tetapi Malaysia boleh mengambil peluang memasarkan produk yang tidak dapat dikeluarkan negara itu.

"Banyak lagi bidang yang boleh kita bersaing dengan China, termasuk bidang teknologi tinggi. Di sini lah pentingnya kita bekerjasama dengan Eropah.

"Pelaburan Jerman di Malaysia, misalnya, dapat membantu menghasilkan produk teknologi tinggi yang dapat menyaingi China," katanya.

Mengenai saranan menjadikan Asia Timur sebagai zon bebas perdagangan membabitkan Asean + 3 (China, Jepun dan Korea), Dr Mahathir berkata, Malaysia belum bersedia menerimanya kerana keadaan ekonomi negara di rantau ini berbeza, misalnya Laos dan Myanmar, tidak mungkin dapat bersaing dengan negara lain yang lebih maju.

Selain isu antarabangsa, Perdana Menteri ditanya mengenai persiapan Malaysia melahirkan tenaga mahir, terutama bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dr Mahathir berkata, dasar pendidikan negara sentiasa selari dengan perkembangan keperluan semasa dan Malaysia akan mengambil apa saja langkah

yang difikirkan penting.

(END)